



SKUAD Kecemasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di Jalan Pinang berhampiran KLCC, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Pokok tumbang nyaris hempap Ketua Menteri Melaka

KUALA LUMPUR: Polis mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian pokok tumbang yang hampir menimpa kenderaan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh dalam kejadian di Jalan Pinang berhadapan Kuwait Bank, di sini petang ini.

Ini adalah kejadian kedua selepas insiden 8 Mei lalu mengakibatkan sebatang pokok besar tumbang menghempap 17 kenderaan dan mengorbankan seorang lelaki di Jalan Sultan Ismail, di sini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan kejadian tersebut.

Sementara itu, Pusat Gerakan Operasi (PGO) Kuala



Kejadian itu tular di laman sosial yang memaparkan pokok tumbang sebelum menghempap beberapa kenderaan.”

Lumpur memaklumkan tiada panggilan kecemasan diterima pihaknya berhubung kejadian pokok tumbang itu.

“Bagaimanapun, jentera tetap dihantar ke lokasi untuk

bantuan,” jelas kenyataan itu.

Terdahulu, hujan lebat di ibu negara menyebabkan satu lagi kejadian pokok tumbang di Jalan Pinang berhadapan Kuwait Bank.

Kejadian itu tular di laman sosial yang memaparkan pokok tumbang sebelum menghempap beberapa kenderaan.

Sebuah portal melaporkan, kejadian pokok tumbang itu hampir mengenai kenderaan Lexus 350 yang dinaiki Ab. Rauf.

Sementara itu, Pegawai Media Ketua Menteri Melaka, Shahnor Samsudin, ketika kejadian, rombongan Ab. Rauf sedang melalui kawasan tersebut untuk menghadiri satu urusan rasmi di ibu kota.